



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP) MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

16 FEBRUARI 2024

Kerjasama strategik di antara Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dipertingkat dan diperkuuh dengan pertemuan di antara kedua-dua Menteri pada hari ini di Perbadanan Putrajaya.

Perbincangan tertumpu kepada kerjasama meliputi isu-isu dasar serta juga inisiatif terkait aspek perumahan, landskap dan juga bandar pintar di ketiga-tiga kawasan Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

JWP berterima kasih kepada YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan KPkt yang telah bersetuju meluluskan peruntukan sejumlah RM 20 juta kepada Jabatan Wilayah Persekutuan di mana:

- a. RM 10 juta diperuntukkan untuk menaik taraf tandas awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) kepada tandas BMW (Bersih, Menawan dan Wangi);
- b. RM 5 juta pula bagi mewujudkan 200 unit MyKiosk untuk Kuala Lumpur dan akan ditambah jika ada keperluan untuk Putrajaya dan Labuan. Ini membolehkan peluang perniagaan diberikan kepada peniaga kecil untuk meningkatkan sosio ekonomi mereka dengan penyediaan kemudahan ruang niaga yang lebih selesa, selamat dan seragam; dan
- c. RM 5 juta lagi diperuntukkan untuk kerja-kerja menyelenggara kolam takungan banjir di bawah selenggaraan DBKL dan menambah baik peranan sekitar kolam takungan tersebut sebagai kawasan rekreasi awam.

Selain itu, perbincangan juga menumpukan aspek kerjasama yang boleh dilaksanakan bagi pengindahan khususnya di bandar raya Kuala Lumpur dalam persediaan berdepan dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan kepengerusian Malaysia dalam ASEAN pada tahun 2025 kelak yang akan menyaksikan pelbagai program dan mesyuarat peringkat ASEAN, bakal dilaksanakan di ibu kota ini.

Lanjutan itu, pihak DBKL akan mengenal pasti 30 kawasan di sekitar ibu kota yang akan dibangunkan dengan projek *pocket parks* di mana ia adalah pembangunan landskap perbandaran bagi tujuan pengindahan Kuala Lumpur.

Kunjung hormat ini juga merupakan manifestasi Kerajaan pada hari ini yang sentiasa bekerja secara *whole of government* untuk hasil yang lebih optimum sepetimana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri. Ini adalah juga demi memastikan Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-50 penubuhannya.

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**YB NGA KOR MING
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**